

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**BILANGAN 4/1967**

---

**CARA-CARA KUTIPAN CUKAI, TUNGGAKAN DAN  
PEMBATALAN LESEN TUMPANGAN SEMENTARA**

---

Lesen Tumpangan Sementara yang menggunakan Borang 4A (Sec.67 Kanun Tanah Negara) akan luput pada 31hb. Disember atau pun lebih awal lagi sebagai yang ditetapkan pada masa kelulusan Lesen Sementara itu. Kecualilah Lesen Tumpangan Sementara untuk pertunjukkan atau permainan bolehlah dikeluarkan untuk masa singkat yang ditetapkan yang mungkin menerusi akhir tahun ke tahun depan.

2. Bila menyiapkan Lesen Tumpangan Sementara (Borang 4A) tindakan di bawah ini hendaklah dibuat:-

- I. Susunan No. mengikut daftar L.T.S dan rujuk kepada seluruh Daerah.
- II. Kalau untuk tanaman tuliskan jenis tanaman yang diluluskan selepas perkataan ‘cultivation’.
- III. Tuliskan juga dengan perkataan bayaran yang diterima.
- IV. Di dalam “SHEDULE” isikan perenggan (I) dengan penuh. Pada perenggan (2) potong perkataan is capable under rule ..... of assignment
- V. Lesen Tumpangan Sementara yang dikeluarkan buat pertama kali pelannya hendaklah dilekatkan ataupun dilukiskan dibelakang lesen itu.
- VI. Tuliskan syarat-syarat tambahan kalau ada selepas perenggan(5).

3. Daftar Lesen Tumpangan Sementara dan “Pembaharuan”.

- (i) Gunakan Buku Daftar L.T.S (Land 210)
- (ii) Bila Daftar L.T.S disiapkan pertama kali pada awal tahun hendaklah dituliskan dalam daftar itu hanya L.T.S yang telah diperbaharui atau diluluskan dan telah di bayar pada tahun lepas. Jumlahkan semua cukai-cukai L.T.S yang hendak dikutip supaya diketahui hasil yang benar dari punca ini bagi tahun itu.